



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 27 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

27/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	MANGSA BANJIR DI SEMUA DAERAH DI KELANTAN MENINGKAT	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1193055/mangsa-banjir-di-semua-daerah-di-kelantan-meningkat	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	BANJIR: KHIDMAT MALAYSIA GERAKKAN PASUKAN MENYELAMAT JABATAN AMAL	
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/26/banjir-khidmat-malaysia-gerakkan-pasukan-menyelamat-jabatan-amal/	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
3	BUDAK 12 TAHUN DILIWAT 30 KALI DI ASRAMA SAUDARA BAHARU	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/12/1044287/budak-12-tahun-diliwat-30-kali-di-asrama-saudara-baharu	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/awani-7-45-x7kldw/lelaki-didakwa-liwat-kanak-kanak-30-kali-di-asrama-x8qw6zo	ASTROAWANI.COM



UKK KPWK M



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	AMANG SEKSUAL REMAJA LELAKI 17 TAHUN, PU AZMAN DIPERINTAH BELA DIRI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/amang-seksual-remaja-lelaki-17-tahun-pu-azman-diperintah-bela-diri-451509?	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/12/1044235/pu-azman-diarah-bela-diri-atas-2-tuduhan-amang-seksual	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/12/26/kes-amang-seksual-pu-azman-diperintah-bela-diri/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/641324/berita/pu-azman-diperintah-bela-diri-amang-seksual-remaja-lelaki-17-tahun	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/pu-azman-diperintah-bela-diri/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=0i_Z9MYm4eI	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=HEuzKAcMb3g	YOUTUBE
	https://www.malaysiakini.com/news/691222	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/26/pu-azman-diperintah-bela-diri-kes-amang-seksual-remaja-lelaki-17-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/amang-seksual-remaja-lelaki-17-tahun-pu-azman-diperintah-bela-diri	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://harapanmadani.com/amang-seksual-pu-azman-diperintah-bela-diri/	HARAPANMADANI.COM
	https://malaysiatribune.news/2023/12/26/pu-azman-diarah-bela-diri-kes-amang-seksual/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS
	https://utusan.com.my/2023/12/26/pu-azman-diarah-bela-diri-2-tuduhan-amang-seksual-remaja-lelaki-17-tahun/	UTUSANTV.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2257213	BERNAMA.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1192840/cik-man-diarah-bela-diri-kes-amang-seksual	BHARIAN.COM.MY
	https://therakyatinsight.com/pu-azman-diperintah-bela-diri-pertuduhan-amang-seksual/	THERAKYATINSIGHT.COM



Mangsa banjir di semua daerah di Kelantan meningkat

Oleh Hidayatidayu Razali - Disember 26, 2023 @ 10:47pm

bhnews@bh.com.my



Kedudukan ke Kampung Tersang - Rantau Panjang yang memasuki pekan Rantau Panjang ditenggelami banjir ditutup kepada semua kenderaan berikutan limpahan air sungai golok hari ini - Foto NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

KOTA BHARU: Lapan daerah di Kelantan dilanda banjir yang menyaksikan jumlah mangsa meningkat kepada 17,281 orang sehingga jam 10 malam ini berbanding 15,216 orang petang tadi.

Peningkatan mangsa dengan mendadak ini berikutan jumlah penduduk yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di semua daerah meningkat.

Kesemua mangsa daripada 5,431 keluarga berlindung di 86 PPS iaitu di Pasir Mas, Kuala Krai, Tanah Merah, Machang, Pasir Puteh, Kota Bharu, Gua Musang dan Jeli.

Portal Info Bencana Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan, jumlah mangsa di Pasir Mas meningkat kepada 12,791 orang berada di 33 PPS.

Mangsa banjir di Kuala Krai turun sedikit kepada 2,838 orang berada di 31 PPS, diikuti Tanah Merah (1,216 orang di 13 PPS), Machang (204 orang di empat PPS), Jeli (82 orang di satu PPS), Gua Musang (69 orang di dua PPS), Kota Bharu (42 orang di satu PPS) dan Pasir Puteh (39 orang di satu PPS).



Banjir: Khidmat Malaysia gerakkan pasukan menyelamat Jabatan Amal

December 26, 2023



Khairul Faizi Ahmad Kamil

KUALA LUMPUR: Pusat Pengurusan Kecemasan Dan Bencana Malaysia (Khidmat Malaysia) sentiasa prihatin dan konsisten dalam memantau perkembangan bencana dalam negara sejak 10 tahun yang lalu.

Ketua Pengarah Khidmat Malaysia, Khairul Faizi Ahmad Kamil berkata, Ia bermula apabila negara dikejutkan dengan tragedi 'Bah Kuning' yang melanda Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada ketika itu sehingga menyebabkan rakyat dan negara menanggung kerugian yang besar kesan bencana yang berlaku.

"Perkembangan terkini yang berlaku terutamanya yang melanda jajahan Pasir Mas yang melibatkan dua kawasan Parlimen iaitu Parlimen Pasir Mas dan Parlimen Rantau Panjang seolah-olah mengingatkan kita kepada tragedi yang berlaku pada tahun 2014 itu," ujarnya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, sehingga jam 10.00 malam tadi, sewaktu Khidmat Malaysia sedang mengadakan mesyuarat tergempar untuk penyaluran tugas bencana banjir, 16,000 mangsa telah pun dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah diwartakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).


Justeru, ujarnya Khidmat Malaysia membuat keputusan drastik dalam mesyuarat tersebut untuk menggerakkan pasukan Rescue daripada Jabatan Amal Malaysia (JAM) bagi menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya keadaan banjir menjadi lebih parah di dua buah negeri lain termasuk Negeri Terengganu dan Pahang.

Tambahnya, pasukan penyelamat JAM yang terdiri daripada anggota terlatih dalam pelbagai cabang kemahiran menyelamat seperti penyelam scuba, menyelamat di air (open surface), pengendalian bot dan pertolongan cemas telah dikerahkan di sempadan Terengganu-Kelantan iaitu di Besut bermula hari ini lengkap dengan aset penyelamat termasuk bot dan peralatan menyelam.

Dalam masa yang sama, ujarnya Khidmat Malaysia turut mengingatkan seluruh rakyat yang berhadapan dengan situasi banjir agar dapat meningkatkan kewaspadaan dan menjaga keselamatan diri agar tidak menjadi mangsa lemas atau renjatan elektrik ketika mana air masih bergenang atau dibawa arus deras sungai yang melimpah ke daratan.

"Kita tidak mahu ada lagi kedengaran mangsa-mangsa yang menemui ajal disebabkan bencana banjir yang berlaku pada ketika ini," katanya.

Katanya lagi, bagi memastikan gerakan membantu rakyat yang terkesan berjalan lancar, BGIB yang telah diaktifkan pada awal bulan lepas merayu agar lebih ramai warga Malaysia yang prihatin dapat menghulurkan tenaga sebagai sukarelawan Khidmat Malaysia serta tidak dilupakan agar dapat menghulurkan sumbangan wang tunai mahupun barangan bantuan melalui Tabung Musa'adah Khidmat Malaysia yang telah dilancarkan beberapa hari yang lalu melalui Akaun Bank Maybank (No. Akaun: 562384542866) atau Akaun Bank Islam (No. Akaun: 12225010037517).



TAJUK : GODA ISTERI ORANG DI PERAK BOLEH KENA TINDAKAN

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 18

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Goda isteri orang di Perak boleh kena tindakan

Ipoh: Lelaki Islam yang menggodai isteri orang di Perak masih boleh dikenakan tindakan atas kesalahan itu di bawah undang-undang syariah negeri berkenaan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Harith Fadzilah Abdul Halim, berkata ini kerana Seksyen 30 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 masih terpakai dan boleh digunakan untuk mendakwa individu yang melakukan perbuatan itu.

"Mengikut Seksyen 30(1), sesiapa yang memikat seorang perempuan bersuami atau membawanya lari atau dengan apa-apa cara mempengaruhi beliau supaya meninggalkan rumah tangga yang ditentukan

oleh suaminya adalah bersalah.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan itu kembali kepada suaminya," katanya semalam.

Pada 21 Disember lalu, Ketua Hakim Syarie Terengganu, Datuk Wan Mohd Zakri Wan Mohd berkata, individu yang melakukan kesalahan itu masih boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang jenayah syariah negeri berkenaan.

Dianggap sebagai tidak berperlembagaan, Mahkamah

Persekutuan pada 15 Disember lalu memansuhkan Seksyen 498 Kanun Keseksan selepas mendapati ia bercanggah dengan Perlembagaan Perseku-

tuan kerana mendiskriminasi secara tidak sah hanya atas alasan jantina yang bertentangan dengan Perkara 8(2).

Keputusan sebulat suara itu


"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan itu kembali kepada suaminya"

Harith Fadzilah Abdul Halim,
Pengarah JAIPk



dibuat oleh Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya, Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah serta Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Datuk Harmin-dar Singh Dhaliwal, Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil.

Panel itu membuat ketetapan berkenaan selepas membenarkan permohonan seorang ahli perniagaan yang merujuk persoalan berhubung perkara terbabit iaitu sama ada Seksyen 498 tidak berperlembagaan kerana bercanggah dengan Perkara 8(1) (2) Perlembagaan Persekutuan berkaitan kesaksamaan di sisi undang-undang dan diskriminasi jantina. **BERNAMA**



TAJUK : GURU, IBU BAPA MAIN PERANAN PENTING BANTERAS BULI DI SEKOLAH

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Guru, ibu bapa main peranan penting banteras buli di sekolah

Nurul
Nadhirah
Ahmad Sabri,
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris

Kes buli bukan perkara baharu di Malaysia, malah lebih menyedihkan ia banyak dilaporkan berlaku dalam kawasan sekolah. Menurut Kementerian Pendidikan (KPM), tahun ini terdapat peningkatan insiden buli dengan sebanyak 4,994 kes direkodkan bagi 10 bulan pertama tahun ini berbanding 3,887 tahun lalu.

Buli adalah tindakan dengan niat untuk menyakiti dan memberikan tekanan kepada seseorang. Terdapat tiga jenis buli iaitu secara fizikal seperti memukul, ancaman misalnya memeras ugut dan lisan membabitkan ejek-mengejek atau cemuhan.

Antara faktor yang kerap dikatakan sebagai punca seseorang pelajar untuk menjadi mangsa buli adalah sikap ibu bapa yang tidak memainkan peranan secukupnya untuk mendidik anak di rumah. Kita akui, rumah adalah madrasah pertama seorang anak. Di situ dia diajar adab dan akhlak, malah anak menjadi manusia pada peringkat awalnya dengan didikan ibu bapa.

Bak kata pepatah anak adalah kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak anak.

Jadi dalam membentuk sikap anak yang baik, ibu bapa juga mesti meluangkan waktu berkualiti bersama mereka. Ibu bapa menjadi tempat si anak mengadu pelbagai masalah, berkongsi cerita dan meraih perhatian.

Namun, meletakkan kesalahan kepada ibu bapa sepenuhnya juga bukan mudah. Corak hidup dan kemampuan sesebuah keluarga itu tidak sama jadi masing-masing mempunyai kaedah terbaik dalam mendidik anak. Jadi anak perlu belajar menghargai dan cepat matang dalam menangani pelbagai isu.

Bagaimanapun sebagai ibu bapa kita juga perlu peka dengan anak. Misalnya, secara umum mangsa buli akan berasa takut ke sekolah. Pembuli akan sentiasa mencari jalan membuli, jadi mangsa lebih rela tidak ke sekolah. Ini akan mengganggu pembelajaran. Mereka tidak lagi fokus dengan pembelajaran.

Mangsa buli juga akan berubah menjadi pasif,

tidak ceria dan takut untuk berkomunikasi dengan rakan dan guru, sebaliknya lebih suka menyendiri. Jadi ibu bapa atau guru perlu lebih peka untuk menyedari perubahan sikap mereka. Dalam konteks lebih luas, kejadian buli perlulah dipandang serius oleh masyarakat kerana ia mampu memberikan kesan negatif kepada mangsa.

Didikan agama, moral pupuk sifat prihatin

Langkah perlu diambil oleh ibu bapa untuk mengelakkan anak mereka menjadi pembuli di sekolah ialah dengan memberikan didikan sempurna di rumah. Didikan yang sempurna ini bermaksud memberikan mereka ilmu agama dan moral, selain menanamkan pemikiran positif dan prihatin terhadap orang lain. Hal ini dapat membentuk akhlak mereka dengan lebih baik dan terhindar daripada


perbuatan negatif seperti membuli.

Selain itu, ibu bapa hendaklah menjadi pendengar yang baik. Ibu bapa perlu meluangkan masa bersama anak dengan mengadakan aktiviti riadah untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Guru bimbingan dan kaunseling juga perlu memainkan peranan penting. Guru hendaklah lebih aktif dalam mengesan mangsa buli dan memberikan kaunseling kepada mangsa. Hal ini dapat memulihkan semangat mangsa buli dan mereka lebih yakin untuk melaporkan kes buli.

Pada masa sama, tindakan disiplin dan undang-undang ke atas pembuli hendaklah dikaji dan dimurnikan semula. Hal ini penting kerana anak kebanyakan masih dalam proses pembentukan jadi pendekatan menangani kes ini perlu dibuat dengan hikmah.





TAJUK : MURID 12 TAHUN JADI MANGSA LIWAT DI ASRAMA

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Murid 12 tahun jadi mangsa liwat di asrama

Melaka: Seorang murid Tahun Enam berdepan detik hitam dalam hidupnya, apabila dijadikan alat pemuas nafsu serakah rakan sebilik yang tergamak meliwatnya sehingga 30 kali sejak April lalu.

Difahamkan kejadian itu berlaku di sebuah asrama lelaki sebuah premis saudara baharu dalam daerah Melaka Tengah.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Zainol Samah, berkata selepas hampir lapan bulan menyimpan rahsia, mangsa berusia 12 tahun lima bulan itu nekad menceritakan perbuatan jijik suspek kepada bapanya pada Sabtu lalu.

Beliau berkata, berdasarkan laporan, mangsa mendakwa diliwat suspek yang juga seorang penganggur dengan kejadian berlaku 14 Mei lalu, kira-kira jam 3 pagi.

“Mangsa menyatakan, suspek mengejutnya dari tidur di bilik asrama lelaki sebelum meliwat tanpa kerelaan dan mengulangi perbuatan itu keesokan harinya pada jam 2 pagi.

“Seterusnya mangsa menyatakan suspek membawanya ke tandas asrama pada 20 Mei kira-kira jam 9 malam dan menyuruh dan mengugutnya supaya meliwat suspek dan kanak-kanak itu terpaksa akur kerana takut.

“Kejadian tidak terhenti di situ, apabila suspek sekali lagi meliwat mangsa dua hari kemudian di dalam tandas di kompleks itu,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Zainol berkata, sepanjang pengadu berada di asrama terbabit suspek meliwatnya sebanyak 30 kali, namun kanak-kanak itu hanya mendiamkan diri dan tidak melaporkan kepada sesiapa kerana bimbang keselamatan diri.



TAJUK : PU AZMAN DIARAH BELA DIRI

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kes amang seksual

PU Azman diarah bela diri

Pendakwaan berjaya buktikan kes prima facie terhadap pendakwah selebriti

Klang: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, memerintahkan pendakwah selebriti, Azman Syah Alias atau lebih dikenali sebagai PU Azman membela diri atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki 17 tahun, tahun lalu.

Hakim Syafera Mohd Said membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap Azman Syah, 42.

"Setelah mendengar dan meneliti saksi pendakwaan dan semua bukti dan serta meneliti hujah pendakwaan, mahkamah memutuskan bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT (Orang Kena Tuduh) atas tuduhan pertama dan tuduhan kedua. Oleh yang demikian OKT diarah untuk membela diri," katanya.

Ketika keputusan dibacakan,



PU Azman hadir di Mahkamah Sesyen Klang, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Azman Syah yang berada di dalam kandang tertuduh kelihatan tenang dan setelah Syafera menerangkan pilihan yang diberikan, dia memilih untuk meneruskan perbicaraan dengan memberi keterangan secara bersumpah.

"Yang Arif, saya memilih keterangan bersumpah dari kandang saksi," kata pendakwah selebriti itu.

Sebutan semula 12 Januari

Mengikut pertuduhan, Azman Syah didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 17 tahun di sebuah inap desa di

Kampung Sungai Udang, di sini, masing-masing pada jam 12.15 tengah malam dan 1 pagi pada 20 Februari serta 29 Jun lalu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 12 Januari ini untuk sebutan semula kes.

Tujuh saksi memberi keterangan pada perbicaraan bermula 5 September lalu.

Pendakwaan dikendalikan

Timbalan Pendakwa Raya Nur Ayuni Jamri dan Nurul Izzati Mohamad manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad.

Yang turut hadir, peguam Jabatan Bantuan Guaman Selangor Norhayati Johar selaku pendamping guaman bagi mangsa.

Azman Syah turut menghadapi sembilan lagi pertuduhan berkaitan seksual iaitu lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Seremban, dua kes di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan masing-masing satu kes di Mahkamah Majistret Klang dan Mahkamah Sesyen Ampang.

BERNAMA



TAJUK : 30 KALI KENA LIWAT

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DETIK HITAM MURID TAHUN ENAM

30 kali kena liwat

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang murid tahun enam berdepan detik hitam dalam hidupnya apabila dijadikan pemuas nafsu serakah rakan sebilik yang tergamak meliwatnya sehingga 30 kali sejak April lalu.

Kejadian dipercayai berlaku di asrama lelaki sebuah premis di Melaka Tengah apabila suspek beru-

sia 20 tahun turut mengugut supaya mangsa meliwatnya.

Ketua Polis Melaka Datuk Zainol Samah berkata, selepas hampir lapan bulan menyimpan rahsia, mangsa berusia 12 tahun nekad menceritakan perbuatan jijik suspek kepada bapanya, Ahad lalu.

"Menurut mangsa, sepanjang berada di asrama

terbabit, suspek dikatakan meliwatnya sebanyak 30 kali namun dia hanya mendiamkan diri dan tidak melaporkan kepada sesiapa kerana bimbang keselamatan diri," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, lelaki itu kemudian datang ke rumah mangsa pada jam 11.45 pagi, Sabtu lalu selepas mangsa mencerita-

kan kejadian terbabit kepada bapanya.

Beliau berkata, suspek kemudian cedera akibat dipukul bapa mangsa sebelum ditahan anggota Balai Polis Tanjung Minyak, dekat sini.

Katanya, suspek yang berasal dari Pulau Pinang dan tidak bekerja itu direman enam hari hingga 30 Disember ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

“
Mangsa maklum
bapa Sabtu lalu,
selepas lapan bulan
simpan rahsia jijik
Zainol Samah



TAJUK : PERLU BELA DIRI ATAS DUA PERTUDUHAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Perlu bela diri atas dua pertuduhan

Pendakwa berjaya buktikan kes prima facie terhadap PU Azman berkaitan dakwaan amang seksual fizikal

Klang

Mahkamah Sesyen di sini semalam memerintahkan pendakwah selebriti Azman Syah Alias atau lebih dikenali sebagai PU Azman membela diri atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki 17 tahun, tahun lepas.

Hakim Syafeera Mohd Said membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie terhadap pendakwa Azman Syah, 42.

"Setelah mendengar dan meneliti saksi pendakwa dan semua bukti dan serta meneliti hujahan pendakwa, mahkamah memutuskan bahawa pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT (Orang Kena Tuduh) atas tuduhan pertama dan tuduhan kedua. Oleh yang demikian OKT diarah membela diri," katanya.

Ketika keputusan dibacakan, Azman Syah yang berada di dalam kandang tertuduh kelihatan tenang dan setelah Syafeera menerangkan pilihan diberi, dia memilih meneruskan perbicaraan dengan memberi keterangan secara bersumpah.

"Yang Arif, saya memilih keterangan bersumpah dari kandang saksi," kata pendakwa selebriti itu.

Mengikut pertuduhan, Azman Syah didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berumur 17 tahun di sebuah inap desa di Kampung Sungai Udang, di sini, masing-masing pada 12.15 tengah malam dan 1 pagi pada 20 Februari serta 29 Jun lepas.

Dia dituduh mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga di-

"Setelah mendengar dan meneliti saksi pendakwa dan semua bukti dan serta meneliti hujahan pendakwa, mahkamah memutuskan bahawa pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT (Orang Kena Tuduh) atas tuduhan pertama dan tuduhan kedua. Oleh yang demikian OKT diarah membela diri"

kenakan hukuman sebat, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 12 Januari ini untuk sebutan semula kes.

Tujuh saksi memberi keterangan pada perbicaraan bermula 5 Septem-

ber lepas.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Ayuni Jamri dan Nurul Izzati Mohamad manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad.

Turut hadir peguam Jabatan Bantuan Guaman Selangor Norhayati Johar selaku pendamping guaman bagi mangsa.

Azman Syah turut menghadapi sembilan lagi pertuduhan berkaitan seksual iaitu lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Seremban, dua kes di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan masing-masing satu kes di Mahkamah Majistret Klang dan Mahkamah Sesyen Ampang.



PU Azman memilih memberi keterangan secara bersumpah.



TAJUK : PU AZMAN ORDERED TO ENTER DEFENCE

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STARITS TIMES

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

10 | NEWS / Nation

SEXUAL ASSAULT CHARGES

PU AZMAN ORDERED TO ENTER DEFENCE

Accused chooses to testify under oath from witness stand based on three options provided by judge

NOR AIN MOHAMED RADHI
KLANG
ainradhi@nst.com.my

CELEBRITY preacher Azman Syah Alias, better known as PU Azman or Cik Man, has been ordered to enter his defence for sexually assaulting a teenager.

Sessions Court judge Syafera Mohd Said, in making the deci-

sion, said the prosecution had successfully established a prima facie case against the accused.

Azman Syah, 42, was given three options — to testify under oath from the witness stand where he can be cross-examined, to testify from the dock where he cannot be cross-examined, or to remain silent, in which case the court must proceed to convict him.

The accused chose to give



Celebrity preacher Azman Syah Alias at the Klang Sessions Court yesterday. He has been charged with two counts of sexual assault on a 17-year-old boy. PIC BY ASYRAF HAMZAH

sworn evidence from the witness box.

Azman Syah is charged with two counts of committing sexual assault on a 17-year-old boy at a homestay in Kampung Sungai Udang, Klang at 12.15am and 1am on Feb 20 and June 29, 2022, respectively.

The charges are framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which provides for imprisonment not exceeding 20 years and whipping.

Syafera then set Jan 12 next

year for case mention.

Deputy public prosecutor Nur 'Ayuni Jamri appeared for the prosecution, while Azman Syah was represented by lawyer Mohamad Zahid Ahmad.

Azman Syah, when met after the proceedings, said he believed there was wisdom to be found in the calamity he was facing.

"I accept what happened. I hope other people's prayers will make things easier (for me) and for now, I'll just go with the flow."


On his latest activities, Azman

Syah said he was still giving ceramah.

"Although not as (frequent as) before, I still give ceramah, most of them in Perak.

"I also do outdoor activities, such as hiking and making content (for social media)," he added.

Azman Syah also faces nine other similar charges — five in the Seremban Sessions Court, two in the Shah Alam Sessions Court and one each in the Klang magistrate's court and Ampang Sessions Court.



TAJUK : COURT ORDERS CELEBRITY PREACHER TO ENTER DEFENCE ON SEXUAL ASSAULT CHARGES

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Court orders celebrity preacher to enter defence on sexual assault charges

KLANG: The Sessions Court here yesterday ordered celebrity preacher Azman Syah Alias, better known as PU Azman, to enter his defence on two charges of committing physical sexual assault on a 17-year-old boy.

Sessions Court Judge Syafeera Mohd Said made the decision after finding that the prosecution succeeded in establishing a prima facie case against the accused.

"After hearing and examining the prosecution witnesses and all the evidence and examining the prosecution's arguments, the court decided that the prosecution succeeded in proving a prima facie case against the OKT (accused person) on the first and second charges.

"Therefore, OKT is ordered to enter his defence," she said in her judgment.

In the dock, Azman Syah appeared calm as the ruling was read, and he was given three options: to testify under oath on the witness stand where he can be cross-examined; to testify from the dock; or to remain silent.

The accused chose to testify under oath on the witness stand for her defence trial.

Azman Syah was charged with two counts of committing physical sexual assault on a 17-year-old boy at a homestay in Kampung Sungai Udang, here at 12.15am and 1am on Feb 20 and June 29 last year. The charges were framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 which provides imprisonment not exceeding 20 years and whipping, upon conviction.

Syafeera then set Jan 12, 2024, for mention of the case.

Seven prosecution witnesses were called to testify at the trial that began on Sept 5.

Deputy public prosecutors Nur Ayuni Jamri and Nurul Izzati Mohamad appeared for the prosecution, while the accused was represented by lawyer Mohamad Zahid Ahmad.

Azman Syah is also facing nine more charges related to sexual crimes he allegedly committed against teenage boys, namely five charges in the Seremban Sessions Court, two cases in the Shah Alam Sessions Court, and one case each in the Klang Magistrates' Court and the Ampang Sessions Court. — Bernama



TAJUK : 'THUMBS UP FOR FREE RIDES FOR OKU'

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Thumbs up to free rides for OKU'

But better facilities are needed to help vulnerable groups, the disabled say

By **JUNAID IBRAHIM**
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Blind massage therapist V. Saraswathy can finally breathe a sigh of relief that public transportation in the city will be free for people with disabilities (OKU) like herself.

The 42-year-old said she spends a significant amount to commute to her workplace in the suburban area of Sri Gombak while living in Pudu here.

"My work depends on how many customers come in a day. If I'm lucky, I would get more than one customer.

"And it's commission-based,

maybe about RM25 a day.

"The economic conditions now are harsh and worse for an OKU like myself. We get money from the Welfare Department, but that would only be enough for rent and meals," she said.

She said the free rides on the train would help reduce her burden and she could use the savings on other expenses instead.

Saraswathy said she also hopes that there will be more such initiatives by the government to further alleviate the financial burdens faced by vulnerable groups.

The Transport Ministry had announced that from next February, OKU will enjoy free

rides on all Prasarana trains and buses.

Its Minister Anthony Loke said the initiative is part of Prasarana's corporate social responsibility agenda and is expected to benefit disabled riders in the Klang Valley, Penang and Kuantan, Pahang.

While the move has been lauded by OKU, they said they also hope the government could address other issues affecting their daily lives.

A 42-year-old man, who wanted to be known only as Andy, said he regularly uses the train to commute to his workplace.

Living in Cheras, he would take the Mass Rapid Transit (MRT)

train to KL Sentral station where he works nearby as a massage therapist.

"The cost to commute contributes to a significant amount in my daily expenses. Sometimes, I take hailing rides, but nowadays, the fares are exorbitant, leaving train rides as my only option.

"I welcome such a move," he said when met at Brickfields here.

However, Andy, who is visually impaired, said that some public facilities are still not accessible to OKU, making moving around difficult and dangerous.

"For example, some stretches of the pavement are either broken or blocked by some individuals,

which makes it hard for us to move around," he said, urging the issue be addressed, especially near train and bus stations.

A blind massage therapist, who wanted to remain anonymous, said that some pavements were not in good condition and would expose users to danger.

"I'm happy to hear about the free transportation for OKU. It is timely, especially with the living costs getting more expensive.

"However, I hope that the government can also improve the facilities for blind people or other OKU at some train stations," said the man, who is in his 30s.



TAJUK : [BOY REPEATEDLY SODOMISED BY HOSTEL SENIOR](#)

HARI : [RABU](#)

AKHBAR : [THE STAR](#)

TARIKH : [27 DIS 2023](#)

M/SURAT : [03](#)

TONE : [NEGATIF](#)

SEKTOR : [KPWKM](#)

Boy repeatedly sodomised by hostel senior

By **RSN MURALI**

murali@thestar.com.my

MELAKA: A 12-year-old boy was said to have been repeatedly sodomised by an adult senior at a hostel here.

State police chief Deputy Comm Datuk Zainol Samah said the Year Six pupil and his mother – a teaching assistant at a religious institution – have been living at the hostel since April.

The boy was allegedly to have been sodomised by his senior

some 30 times, he said.

He said the victim was afraid to reveal his ordeal to the hostel management and his mother, fearing that the suspect would harm him until he returned home to meet his dad.

On Sunday, he told his father about the incident upon reaching home.


“The father called the senior to his house on the same day and confronted him before beating him up,” he said yesterday.

DCP Zainol said three police-

men on their rounds intervened in the commotion and arrested the senior from Kepala Batas in Penang.

He said the boy’s father also lodged a report at Tengkeru police station around 2.30pm the same day.

He said the 20-year-old suspect, who is also living at the hostel managed by the institution, had been remanded for six days to assist investigation under Section 14(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.



TAJUK : GOVT BOOSTING EFFORTS TO MEET AGEING SOCIETY NEEDS

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Govt boosting efforts to meet ageing society needs

○ Substantial funds allocated to enhance quality of life, well-being of senior citizens

■ BY **SIVANISVARRY MORHAN**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: With Malaysia expected to become an ageing nation by 2030, the Women, Family and Community Development Ministry is ramping up efforts to meet the needs of a burgeoning elderly population.

To address the challenges posed by this demographic shift, it has allocated substantial funds aimed at enhancing the well-being and quality of life of senior citizens.

The ministry told *theSun* that it had allocated RM1.43 billion through the Social Welfare Department to assist senior citizens from last year.

It said from 2022 to this year, financial assistance for 140,447 severely impoverished individuals

aged 60 and above, amounting to RM1.33 billion, was made.

In addition, RM57.77 million was allocated for Rumah Seri Kenangan, RM15.42 million for Rumah Ehsan, RM15.70 million for Activity Centres for Older Persons, RM2.58 million for NGO grants and RM37.46 million for home help services.

Monash University economics professor Niaz Asadullah underscored the importance of adopting a comprehensive approach.

He said there is a crucial need to address financial assistance and other aspects such as social isolation, emotional well-being and healthcare access for seniors.

"By 2030, Malaysia anticipates that 15% of its population will be aged 60 and above. This

necessitates a re-evaluation of social protection allocations and a restructuring of the support system.

"In response to this, the government is gradually modifying budgetary allocations for the elderly and introducing new programmes to prepare for an ageing society."

Niaz said the adjustments align with a key objective of the *Madani* framework, which aims to elevate the effectiveness of social protection.

"The introduction of the 'blue bill for senior citizens' and the ministry's outreach plan for broader stakeholder and community involvement have been applauded as positive measures."

On the increase in financial assistance from RM350 to RM500, Niaz said it is timely, given the escalating cost of living.

He emphasised the importance of need-based allocations and the crucial role of competent social

welfare officers at the district level to successfully implement policies and programmes.


Malaysian Coalition on Ageing founding member Cheah Tuck Wing said the government's significant support is noteworthy but pointed out that there has been a reduction in financial assistance.

Cheah also pointed out the importance of addressing destitution among the elderly.

"This is evident from the increasing number of senior citizens left abandoned on the streets, halfway houses and old folks homes."

On the need for more widespread communication of policies, Cheah said the public, including potential beneficiaries, may not be fully aware of the numerous allocations.

"The ministry's proactive measures, financial allocations and the perspectives of experts signify a dedicated effort to ensure a high quality of ageing for senior citizens."



TAJUK : PREACHER ORDERED TO ENTER DEFENCE IN SEXUAL ASSAULT CASE

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Preacher ordered to enter defence in sexual assault case

KLANG: The Sessions Court here yesterday ordered celebrity preacher Azman Syah Alias, better known as PU Azman, to enter his defence on two charges of committing physical sexual assault on a 17-year-old boy.

Judge Syafeera Mohd Said made the decision after finding that the prosecution succeeded in establishing a *prima facie* case against the accused.

"After hearing and examining the prosecution witnesses and all the evidence and examining the prosecution's arguments, the court decided that the prosecution succeeded in proving a *prima facie* case against the accused on the first and second charges.

"Therefore, the accused is ordered to enter his defence."

Azman Syah appeared calm as the ruling was read and he was given

three options – to testify under oath on the witness stand, where he can be cross-examined, to testify from the dock or to remain silent.

The accused chose to testify under oath on the witness stand.

Azman Syah was charged with two counts of committing physical sexual assault on a 17-year-old boy at a homestay in Kampung Sungai Udang at 12.15am on Feb 20 and 1am on June 29 last year.

The charges, under Section 14 (a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, provides imprisonment not exceeding 20 years and whipping.

Syafeera then set Jan 12 for mention of the case.

Seven prosecution witnesses were called to testify at the trial that began on Sept 5.

DPPs Nur Ayuni Jamri and Nurul Izzati Mohamad appeared for the

prosecution, while the accused was represented by Mohamad Zahid Ahmad.

Azman Syah is also facing nine other charges related to sexual crimes he allegedly committed against teenage boys, namely five charges in the Seremban Sessions Court, two cases in the Shah Alam Sessions Court and one case each in the Klang Magistrate's Court and the Ampang Sessions Court. – Bernama



TAJUK : AMANG SEKSUAL REMAJA LELAKI PU AZMAN DIPERINTAH BELA DIRI

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 27 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Amang seksual remaja lelaki, PU Azman diperintah bela diri

Pihak pendakwaan didapati berjaya membuktikan kes prima facie

KLANG: Mahkamah Sesyen di sini semalam memerintahkan pendakwah selebriti Azman Syah Alias atau lebih dikenali sebagai PU Azman membela diri atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki 17 tahun, tahun lepas.

Hakim Syafeera Mohd Said membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Azman Syah, 42.

“Setelah mendengar dan meneliti saksi pendakwaan dan semua bukti dan serta meneliti hujahan pendakwaan, mahkamah memutuskan bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT (Orang Kena Tuduh) atas tuduhan pertama dan tuduhan kedua. Oleh yang demikian OKT diarah untuk membela diri,” katanya.

Ketika keputusan dibacakan, Azman Syah yang berada di dalam kandang tertuduh kelihatan tenang dan setelah Syafeera menerangkan pilihan yang diberikan, dia memilih untuk meneruskan perbicaraan dengan memberi keterangan secara bersumpah.

“Yang Arif, saya memilih keterangan bersumpah dari kandang saksi,” kata pendakwah selebriti itu.

Mengikut pertuduhan, Az-



BELA DIRI: Mahkamah Sesyen semalam memerintahkan Azman atau lebih dikenali sebagai PU Azman membela diri atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki 17 tahun, tahun lepas. — Gambar Bernama

man Syah didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berumur 17 tahun di sebuah inap desa di Kampung Sungai Udang, di sini, masing-masing pada 12.15 tengah malam

dan 1 pagi pada 20 Feb serta 29 Jun lepas.

Dia dituduh mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman

“ Yang Arif, saya memilih keterangan bersumpah dari kandang saksi. ”

Azman Syah Alias
Pendakwah selebriti

penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat, jika sabit kesalahan.


Mahkamah menetapkan 12 Jan ini untuk sebutan semula kes.

Tujuh saksi memberi keterangan pada perbicaraan bermula 5 Sept lepas.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Ayuni Jamri dan Nurul Izzati Mohamad manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad.

Turut hadir peguam Jabatan Bantuan Guaman Selangor Norhayati Johar selaku pendamping guaman bagi mangsa.

Azman Syah turut mendapisebilan lagi pertuduhan berkaitan seksual iaitu lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Seremban, dua kes di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan masing-masing satu kes di Mahkamah Majistret Klang dan Mahkamah Sesyen Ampang. — Bernama



TAJUK :	LELAKI GODA ISTERI ORANG DI PERAK MASIH BOLEH DIDAKWA IKUT UNDANG-UNDANG SYARIAH NEGERI		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	27 DIS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

Lelaki goda isteri orang di Perak masih boleh didakwa ikut undang-undang syariah negeri

IPOH: Lelaki Islam yang menggoda isteri orang di Perak masih boleh dikenakan tindakan atas kesalahan itu di bawah undang-undang syariah negeri berkenaan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) Harith Fadzilah Abdul Halim berkata ini kerana Seksyen 30 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 masih terpakai dan boleh digunakan untuk mendakwa individu yang melakukan perbuatan itu.

“Mengikut Seksyen 30(1), sesiapa yang memikat seorang perempuan bersuami atau membawanya lari atau dengan apa-apa cara mempengaruhi beliau supaya

meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya adalah bersalah...

“Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan itu kembali kepada suaminya,” katanya kepada Bernama hari ini.

Pada 21 Dis lepas, Ketua Hakim Syarie Terengganu Datuk Wan Mohd Zakri Wan Mohd berkata individu yang melakukan kesalahan itu masih boleh dikenakan tindakan di bawah undang-

undang jenayah syariah negeri berkenaan.

Dianggap sebagai tidak berperlembagaan, Mahkamah Persekutuan pada 15 Dis lepas memansuhkan Seksyen 498 Kanun Keseksaan selepas mendapati ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana mendiskriminasi secara tidak sah hanya atas alasan jantina yang bertentangan dengan Perkara 8(2).

Keputusan sebulat suara itu dibuat oleh Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah serta

Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Datuk Harmindar Singh Dhaliwal, Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil.

Panel itu membuat ketetapan berkenaan selepas membenarkan permohonan seorang ahli perniagaan yang merujuk persoalan berhubung perkara tersebut iaitu sama ada Seksyen 498 tidak berperlembagaan kerana bercanggah dengan Perkara 8(1)(2) Perlembagaan Persekutuan berkaitan kesaksamaan di sisi undang-undang dan diskriminasi jantina.— Bernama